

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Jumlah kematian akibat Aids turun: Majlis Aids
31 Aug 2010
New Sabah Times Bahasa (KK)
Semasa
N/A
Daily
23,655 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
4
83 cm²
Black/white
161
483



Jumlah kematian akibat Aids turun: Majlis Aids

BACHOK: Jumlah kematian disebabkan AIDS di seluruh negara mencatatkan penurunan daripada 900 kes pada tahun 2008 kepada 805 kes pada tahun lepas, kata Presiden Majlis Aids Malaysia Datuk Mohd Zaman Khan.

Beliau berkata pemberian jarum suntikan secara percuma kepada penagih dadah merupakan satu daripada penyumbang terbesar ke arah penurunan itu.

"Ini menunjukkan dakwaan sesetengah pihak pemberian itu akan mendorong peningkatan bilangan penagih dadah dan kematian disebabkan Aids adalah tidak benar," katanya kepada pemberita pada majlis taklimat pencegahan jangkitan kemudaratan HIV dan Aids, di sini, kelmarin.

Beliau berkata kerajaan sehingga ini sudah membekalkan sejumlah 15,000 hingga 28,000 jarum kepada penagih menerusi 13 pusat yang ditubuhkan. Katanya berdasarkan kejayaan itu, sebanyak enam lagi pusat bekalan jarum akan dibuka termasuk tiga di Kelantan iaitu di Rantau Panjang, Tanah Merah dan Kuala Krai.

Beliau berkata ini disebabkan Kelantan mencatatkan jumlah kematian tertinggi disebabkan AIDS iaitu 107 kes dalam tempoh Januari sehingga Disember tahun lepas.

Katanya kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM8.4 juta bagi tujuan pembekalan jarum secara percuma bagi tahun ini.

Ketika berucap pada majlis itu, kata Majlis Aids akan bekerjasama dengan agensi kerajaan, sektor korporat dan sektor komuniti untuk meningkatkan kesedaran dan prejudis terhadap pesakit HIV dan Aids.

Menurutnya dianggarkan sebanyak 67,000 rakyat negara ini dikenal pasti terbahit dengan jangkitan HIV dalam tempoh beberapa tahun akan datang.-Bernama